



**TAJUK KHUTBAH JUMAAT**

**Siri: 14/2022**

**BERPUASALAH DENGAN  
SELURUH ANGGOTA**

**6 Ramadan 1443 H**  
*Bersamaan*  
**8 April 2022**

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

**PERINGATAN:**

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**. Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

## **KHUTBAH PERTAMA**

أَحْمَدُ لِلَّهِ الَّذِي فَرَضَ عَلَىٰ عِبَادِهِ صِيَامَ رَمَضَانَ لِيَكُونُوا مِنَ الْمُتَّقِينَ  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَىٰ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ  
بِإِحْسَانٍ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ وَتَدَبَّرُوا قَوْلَهُ تَعَالَى  
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Wahai hamba-hamba Allah ! Saya berpesan kepada tuan-tuan dan diri saya sendiri supaya bertaqwa kepada Allah. Dengarlah perintah Allah yang bermaksud:

“ Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa, dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam ”.

### **Sidang Jumaat yang dikasihi Allah.**

Dari mimbar jumaat yang mulia ini, marilah sama-sama kita mengambil renungan dari khutbah bertajuk:

**“Berpuasalah dengan Seluruh Anggota.”**

Adalah menjadi adab terpenting dalam menjalani ibadah puasa untuk menjaga seluruh anggota dari melakukan dosa dan perkara yang sia-sia.

Sabda Nabi SAW ;

مَنْ لَمْ يَدَعْ قَوْلَ الزُّورِ وَالْعَمَلَ بِهِ فَلَيْسَ لِلَّهِ حَاجَةٌ فِي أَنْ يَدَعَ طَعَامَهُ وَشَرَابَهُ

**Yang Bermaksud:**“ Sesiapa yang tidak meninggalkan percakapan bohong dan berterusan dengan perlakuan tersebut, maka tidak ada nilai disisi Allah pada dia meninggalkan makan dan minumannya itu.

(Riwayat al Bukhari )

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah.**

Bagi menjadikan puasa kita lebih sempurna, Marilah kita mengambil panduan daripada perbuatan-perbuatan para sahabat dan tabiin r.anhum. Di antaranya sebagaimana yang disebut oleh Jabir ibn Abdullah ra ;

Apabila engkau berpuasa, maka hendaklah berpuasa juga pendengaranmu, penglihatanmu dan lidahmu dari pembohongan dan perkara-perkara haram. Jauhilah menyakiti golongan tertentu. Hendaklah engkau menjaga kehormatan dan ketenangan pada hari puasa engkau. Jangan jadikan hari berbuka dan berpuasa engkau sama sahaja.

Al Imam al Ghazali dalam kitab “Ihya’ Ulumiddin” membuat satu huraian tentang adab berpuasa, antaranya ;

**Pertama:** Menunduk pandangan dan menahannya dari terlalu bebas melihat perkara dikutuk dan dibenci syara’. Begitu juga melihat perkara yang boleh mengganggu tumpuan hati atau melalikan dari mengingati Allah.

**Kedua:** Menjaga lidah dari kata-kata kosong, mengumpat, mengadu domba, perkataan keji, kekasaran, perbalahan dan perdebatan yang tidak berfaedah. Sebaliknya hendaklah dia mendidik lidahnya agar lebih banyak berdiam. memperbanyakkan sebutan (zikir) Allah dan membaca al Quran. Inilah puasa lidah.

**Ketiga:** Mencegah telinga dari menumpukan pendengaran kepada perkara yang dibenci syara'. Kerana kaedahnya ialah semua perkara yang haram mempertuturkannya, maka haram jugalah mendengarnya.

**Keempat:** Mencegah anggota-anggota lain dari pelakuan dosa dan makruh, terutamanya tangan dan kaki. Perut pula hendaklah dicegah dari perkara syubhat waktu berbuka. Tiada makna jika berpuasa dengan menahan diri dari makanan yang halal kemudian berbuka dengan makanan yang haram. Perumpamaan perbuatan ini seperti seorang yang membina sebuah bangunan namun kemudiannya meruntuhkan satu kota.

Rasulullah saw pernah bersabda:

رُبَّ صَائِمٍ لَيْسَ لَهُ مِنْ صِيَامِهِ إِلَّا الْجُوعُ،  
وَرُبَّ قَائِمٍ لَيْسَ لَهُ مِنْ قِيَامِهِ إِلَّا السَّهَرُ

**Maksudnya:** “Berapa ramai mereka yang berpuasa sedangkan tiada faedah dari puasanya selain lapar. Berapa ramai orang berqiamullail (menghidupkan malam ) sedangkan tiada faedah dari qiamullailnya selain letih berjaga.

(Hadith riwayat Ahmad dan Ibn Majah)

**Kelima:** Ketika berbuka puasa tidak seharusnya makan terlalu banyak.

**Sidang Jumaat,kaum muslimin hafizakumullah.**

Inilah puasa yang sebenar mengikut syariat iaitu bukan setakat menahan diri dari makan dan minum bahkan mengawal seluruh anggota dari pelakuan dosa dan perkara yang sia-sia.

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن

قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

**Yang Bermaksud:** Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.

وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.

وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ

وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Marilah juga kita memperbanyak ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا

تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،  
إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُذَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ  
اشْفِ مَرَضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطِّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ  
السُّلْطَانَ مُحَمَّدٍ الْمُكْتَفَى بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ  
زَاهِرَةِ، سُلْطَانَةِ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،  
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وِلْيَ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ  
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah, jadikan puasa kami, puasa yang penuh keimanan dan keikhlasan. Kurniakanlah taufik-Mu agar kami memperolehi kebaikan Lailatul Qadr dan kesejahteraannya. Anugerahkanlah ketaqwaan kepada jiwa-jiwa kami. Sucikanlah jiwa ini, kerana sesungguhnya Engkaulah sebaik-baik Yang menyucikannya dan Engkaulah jua sebaik-baik Penolong dan Pelindungnya.

Ya Allah, jadikanlah al-Quran sebagai penghidup hati kami, cahaya penerang dada kami, penyingkap kesedihan kami dan penghilang kerisauan kami. Bantulah kami untuk mengingati-Mu, mensyukuri akan nikmat-Mu dan menunaikan seelok-elok ibadat kepada-Mu.

Ya Allah, terimalah doa, solat, zakat, puasa dan segala ibadat kami. Sempurnakanlah segala kekurangan kami. Kurniakanlah keampunan taubat terhadap kesilapan kami. Sesungguhnya Engkaulah Tuhan Yang Maha Menerima taubat lagi Maha Pengasihani.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .  
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ .  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ .

عِبَادَ اللَّهِ!

أذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ .  
قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللَّهُ .